

Lelaki buang potongan jasad emak dalam tangki kumbahan

# Mayat ibu dikerat 15 kerana harta

Oleh WAT KAMAL ABAS

**PARIT BUNTAR** – Seorang lelaki yang berang kerana tidak berpuas hati dengan pembahagian harta pusaka peninggalan bapanya bertindak kejam apabila membunuh sebelum mengerat mayat ibunya kepada 15 bahagian sebelum dibuang di dalam tangki kumbahan.

Kejadian pada 28 Mei lalu di Taman Kerian di sini itu terbongkar selepas polis menjalankan siasatan sebaik menerima laporan daripada jiran mangsa berusia 68 tahun tersebut yang menghidu bau busuk luar biasa daripada rumah yang didiami dua beranak tersebut.

Mangsa dipercayai telah mati sejak 10 hari lalu dengan tubuhnya dipotong kepada 15 bahagian sebelum disumbat di dalam tangki kumbahan di belakang rumah.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, mangsa sebelum itu pernah dilaporkan hilang oleh anak perempuannya pada 28 Mei lalu.

Katanya, kehilangan mangsa dimaklumkan suspek berusia 42 tahun kepada adik-beradiknya kononnya ibu mereka tidak pulang-pulang selepas keluar rumah.

“Berdasarkan laporan itu, polis telah pergi ke rumah didiami suspek tetapi keadaannya tidak terurus apabila banyak barang berselerak selain bau yang kurang menyenangkan kerana mereka terlibat dalam perniagaan barangan terpakai.



**ANGGOTA** polis dan bomba melakukan siasatan di kawasan rumah mangsa bunuh sebelum mayatnya dikerat kepada 15 bahagian di Taman Kerian, Parit Buntar kelmarin.

“Polis sekali lagi telah pergi ke rumah itu selepas menerima aduan daripada jiran mengatakan bau busuk yang luar biasa datang daripada kediaman tersebut. Pemeriksaan kemudian membawa kepada penemuan potongan-potongan daging manusia,” katanya di sini semalam.

Menurut Mior Faridalathrash, bahagian tubuh itu ditemui dalam saluran tangki kumbahan yang ditutup papan lapis di belakang rumah.

Tambahnya, soal siasat mendapati kejadian itu berpunca daripada rasa tidak puas hati suspek terhadap mangsa berhubung pembahagian harta pusaka peninggalan bapanya.

“Pemeriksaan di dalam rumah menemui sebilah parang, dua bilah pisau dan peralatan lain yang digunakan dalam pembunuhan berkenaan. Dua beranak itu tinggal di situ sejak 12 tahun lalu selepas kematian bapanya,” katanya.

Ujar Mior Faridalathrash, suspek kini direman selama empat hari sehingga Rabu ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh.

“Semakan mendapati suspek yang merupakan anak sulung daripada tiga beradik itu tidak mempunyai rekod lampau, namun pernah mendapat rawatan sakit mental di sebuah hospital swasta di George Town, Pulau Pinang 20 tahun lalu.

## Kes kerat mayat

- **16 Februari 2022** – Seorang wanita ditemukan dengan leher terputus dipercayai ditetak anak tirinya menggunakan sebilah parang di Kampung Dalam Senduk, Kelantan
- **12 Oktober 2019** – Polis menemui dua kepala dipercayai milik dua beranak yang menjadi mangsa pembunuhan susulan penemuan lapan bahagian anggota badan manusia di kawasan semak sekitar Kampung Ladang, Melaka
- **7 Julai 2018** – Polis menemui loket pada mayat seorang wanita yang dikerat enam bahagian dalam dua beg pakaian di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
- **14 Jun 2017** – Mayat lelaki warga Bangladesh ditemui dalam tiga guni selepas dikerat beberapa bahagian untuk dibuang dalam kejadian di Kampung Pengkalan Lebai Man, Kedah
- **7 November 2016** – Mayat seorang remaja lelaki berusia 19 tahun ditemui dipotong hampir 10 bahagian dalam sebuah beg plastik sebelum disorok dalam pembentung saluran air longkang di Kampung Kesang Laut, Johor

“Suspek bagaimanapun tidak pernah menerima rawatan susulan berkaitan penyakitnya selepas itu,” katanya.